



TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM RAMAH
MESRA MOA BERSAMA RAKYAT

25 APRIL 2013 (KHAMIS)
2.30 PETANG
LADANG INFO TERNAK, SUNGAI SIPUT

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Di Peringkat
Persekutuan dan Negeri;

Pemimpin-Pemimpin Tempatan;

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin,
Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita semua memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama dalam Program Ramah Mesra MOA Bersama Rakyat di Dataran Kemas, Sungai Siput pada petang ini. Di kesempatan ini juga, suka saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), dan semua jabatan dan agensi di bawahnya, kerana sudi menjemput saya untuk hadir bersama-sama para hadirin sekalian, dan seterusnya merasmikan program pada hari ini.

2. Sesungguhnya, program yang dianjurkan pada hari ini **mencerminkan kesepakatan** di bawah kementerian dalam **menghayati semangat bekerjasama**, demi memberi **perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat**.

Saya amat berharap kesepakatan ini akan diteruskan dan menjadi budaya kerja positif yang sentiasa diamalkan dan diteruskan oleh semua warga MOA.

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM
1MALAYSIA DAN MEMBUDAYAKAN
PENDEKATAN TURUN PADANG

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Saya difahamkan **Program Ramah Mesra MOA Bersama Rakyat** ini dilaksanakan oleh Kementerian di peringkat akar umbi di seluruh negara. Program ini bertujuan untuk **memberikan bantuan berbentuk input-input pertanian** dalam usaha untuk menggalakkan masyarakat tempatan menceburi industri agromakanan. Secara tidak langsung, tuan-

tuan dan puan-puan yang berkecimpung dalam industri ini akan dapat menyumbang kepada peningkatan pengeluaran bahan makanan negara, di samping meningkatkan pendapatan masing-masing.

4. Selain itu, pelaksanaan program pada hari ini turut berfungsi sebagai satu mekanisme “turun padang” untuk Kementerian dalam melestarikan lagi sektor pertanian dan industri asas tani. **Budaya “turun padang”** adalah selaras dengan konsep **“Merakyatkan Perkhidmatan Awam 1Malaysia”** yang telah diperkenalkan sejak saya memegang jawatan Ketua Setiausaha Negara pada bulan Jun 2012.

5. Saya amat **mengalu-alukan pengamalan budaya “turun padang”** oleh ketua-ketua jabatan dan agensi Kerajaan di semua peringkat kerana ia adalah peluang yang terbaik untuk:

- **mendengar secara langsung masalah yang dihadapi** oleh masyarakat setempat, dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik;
- **menghebahkan kepada rakyat akan dasar, pendekatan dan program** yang dilaksanakan oleh Kementerian; dan
- **mendengar maklum balas daripada rakyat** yang

sememangnya amat berguna dalam **merancang program-program baru** pada masa hadapan untuk manfaat rakyat.

6. Oleh yang demikian, saya menyeru agar ketua–ketua jabatan dan pihak kementerian untuk **turun padang dengan lebih kerap** untuk melihat sendiri dan memahami masalah rakyat. Saya yakin bahawa budaya “turun padang” ini boleh dijadikan satu amalan pro-aktif untuk mendekati rakyat dan mendengar denyut nadi rakyat dengan lebih jelas.

SEKTOR PERTANIAN SEBAGAI ENJIN PEMBANGUNAN NEGARA KETIGA

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Kerajaan sedar akan kepentingan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara, dan telah meningkatkan martabat sektor ini dengan meletakkan sektor pertanian sebagai **enjin pembangunan negara yang ketiga** (*the third engine of national growth*).

8. Selaras dengan ini, Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah mengenalpasti sektor pertanian sebagai salah satu **Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi** atau *National Key Economic Areas* (NKEA) yang mampu memacu negara ke arah

mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

9. Pihak kerajaan akan terus bertindak sebagai pemudahcara untuk membangunkan sektor pertanian agar gelombang transformasi pertanian akan terus berjalan lancar. Saya percaya dengan usaha semua pihak, baik kerajaan, swasta mahupun masyarakat tani, impak pertanian ke atas ekonomi akan lebih menyerlah selaras dengan seruan **“Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**.

**KOMITMEN DAN KEPRIHATINAN
KERAJAAN DEMI MENINGKATKAN
KESEJAHTERAAN RAKYAT**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Seperti yang para hadirin sedia maklum, sektor pertanian amat penting untuk memastikan **bekalan makanan kita sentiasa terjamin**. Pada masa yang sama, kita perlu sedar bahawa populasi penduduk akan terus meningkat dan jumlah tanah yang sedia ada untuk menjalankan aktiviti pertanian semakin berkurangan. Penduduk Malaysia yang pada ketika ini mencecah 28 juta orang dijangka akan meningkat kepada 43.4 juta orang menjelang tahun 2050. Persoalannya sekarang adalah, adakah sumber makanan kita mencukupi pada masa akan datang untuk dinikmati oleh generasi seterusnya?

11. Suka saya tekankan di sini bahawa **Kerajaan amat prihatin kepada keperluan rakyat dan sentiasa melaksanakan program-program yang boleh meningkatkan taraf**

hidup rakyat demi memastikan kesejahteraan hidup semua lapisan masyarakat terjamin. Ini terbukti dengan **komitmen** yang ditunjuk oleh Kementerian seperti MOA yang rancak **mengatur strategi** bagi memperkasakan lagi industri agromakanan dan memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi. Pada masa yang sama, strategi yang diatur turut berpaksikan kepada objektif agar **taraf hidup dan kesejahteraan** tuan-tuan and puan-puan hadirin **dapat terus ditingkatkan**.

12. Untuk memastikan segala program yang dirancang dapat dilaksanakan dan memberi manfaat kepada rakyat, pihak Kerajaan telah **menambah peruntukan** kepada MOA. Peruntukan kepada MOA telah ditambah sebanyak 20% daripada RM4.85 billion pada

tahun 2012 kepada RM5.86 billion pada tahun 2013. Pada masa yang sama, **pelbagai subsidi, insentif dan bantuan juga disediakan** oleh Kerajaan kepada masyarakat tani dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran agromakanan selain membantu meringankan beban dan meningkatkan pendapatan masyarakat tani.

13. Selain itu, Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011 – 2020 telah dibangunkan oleh Kementerian, bukan sahaja untuk memastikan bekalan makanan negara mencukupi dan selamat dimakan, malah berperanan dalam **meningkatkan tahap pendapatan masyarakat tani**. Tujuh halatuju strategik telah digariskan iaitu:

- (i) menjamin bekalan makanan negara;
- (ii) meningkatkan sumbangan industri agromakanan;

- (iii) melengkapkan rantaian nilai;
- (iv) memperkasakan modal insan;
- (v) memantap aktiviti R&D, inovasi dan penggunaan teknologi;
- (vi) mewujudkan persekitaran perniagaan yang diterajui oleh sektor swasta; dan
- (vii) memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan.

BANTUAN KEPADA RAKYAT

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Dalam menjiwai Dasar Agromakanan Negara dan menghayati keprihatinan Kerajaan,

pada hari ini, Kerajaan melalui MOA akan **menyampaikan bantuan berbentuk input pertanian** kepada para hadirin sekalian. Bantuan yang akan disampaikan mencakupi **anak pokok buah-buahan, baja organik, anak ayam kampung selain beberapa barang keperluan harian** seperti beras dan lain-lain. Input–input pertanian tersebut telah disumbangkan melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility - CSR*) oleh BERNAS, sebuah syarikat berkaitan Kerajaan.

15. Adalah diharapkan agar bantuan yang diberikan ini akan memberikan satu suntikan baru kepada para hadirin sekalian dalam menceburi sektor pertanian khususnya industri agromakanan, yang seterusnya mampu menjamin bekalan makanan negara yang

mencukupi.

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, besar harapan saya agar para hadirin sekalian dapat memanfaatkan bantuan yang telah diberikan untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan keluarga tuan-tuan dan puan-puan masing-masing, dan pada masa yang sama, menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara kita yang tercinta.

17. Dengan kata-kata tersebut, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Ramah Mesra MOA Bersama Rakyat di Dataran Kemas,

Sungai Siput Perak pada hari ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.